

UMNO perlu mempunyai hanya seorang pemimpin

JOHOR BAHRU 13 Ogos - Kesetiaan yang ditunjukkan oleh ahli dan pemimpin UMNO kepada pemimpin sedia ada tidak semestinya memberi gambaran bahawa ahli-ahli UMNO sudah tidak menghormati lagi bekas pemimpin parti itu.

Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, UMNO perlu mempunyai hanya seorang pemimpin utama pada satu masa, iaitu Presidennya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Pemimpin parti yang perlu ada hanyalah seorang dan bukan dua, namun dalam kita menunjukkan kesetiaan kepada pemimpin baru, tidak semestinya kita tidak menghormati bekas pemimpin.

"Jika sebuah kapal mempunyai dua nakhoda kapal berkenaan akan tenggelam," katanya ketika berucap merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Pulau di Kompleks Tan Sri Mohamed Rah-

mat, di sini hari ini.

Dalam pada itu, Idris berkata, UMNO Terengganu ingin mempelajari kejayaan UMNO Johor yang sering memenangi kerusi pilihan raya dengan majoriti besar.

"UMNO Terengganu ingin mempelajari kekuatan UMNO Johor yang sering mendapat majoriti besar hinggakan ada yang melebihi 10,000 undi," katanya.

Ditanya sama ada, tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang lantang mengkritik kerajaan mampu menggugat prestasi UMNO Terengganu dalam pilihan raya akan datang, Idris berkata, perkara itu tidak akan memberi sebarang kesan.

"Bagaimanapun, orang ramai perlu diberikan penjelasan mengenai perkara sebenar agar mereka mendapat gambaran yang jelas," katanya.

um - 14/8/2006